

Aman daripada Azab

Daripada Ibn Umar R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى عِبَادًا، اخْتَصَّهُمْ بِحَوَائِجِ النَّاسِ، يَفْرَعُ النَّاسُ إِلَيْهِمْ فِي حَوَائِجِهِمْ،
أُولَئِكَ هُمُ الْآمِنُونَ مِنْ عَذَابِ اللَّهِ.

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah Taala mempunyai hamba-hamba yang mengkhususkan mereka untuk memunaikan keperluan hajat manusia. Mereka bersegera kepada golongan ini untuk meminta bantuan. Mereka itulah golongan yang aman dan terlepas dari azab Allah.”

Riwayat al-Tabarani dalam Mu'jam al-Kabir (12/358, no 13334),
Abu Nu'aim dalam al-Hilyah (3/225) dan Ibn Abi Adi dalam
al-Kamil (4/190). Hadis ini sanadnya amat daif.

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini mengajak umat Islam supaya melakukan amal kebajikan atau sunnah yang baik untuk memudahkan kemaslahatan manusia. Di samping itu boleh membawa kebaikan kepada ummah.
2. Sifat suka membantu dan menolong merupakan sifat yang lebih daripada tanggungjawab dan amat terpuji. Inilah sifat sebagai pembeza antara manusia dengan makhluk yang lain. Apatah lagi di kala keperluan mendesak dan kesempitan masa, ketika itu bantuan amat dihargai dan sikap menyumbang bantuan sama ada buah fikiran, tatacara, tenaga, kewangan dan juga menenangkan hatinya merupakan tuntutan dalam agama.

3. Seorang yang mulia yang masih ada pertalian dengan Qutaibah bin Muslim, panglima Islam terkenal itu. Orang mulia ini sudah mengorbankan semua harta dan kedudukannya menolong orang-orang yang mendapat kesusahan, bersatu bersama orang-orang yang mendapat bencana, memberi bantuan kepada orang miskin, memberi makan kepada orang-orang yang kelaparan dan membantu orang yang di dalam ketakutan. Apabila dia wafat salah seorang pujangga bermadah:

مَضَى ابْنُ سَعِيدٍ حِينَ لَمْ يَبْقَ مَشْرِقٌ * وَلَا مَغْرِبٌ إِلَّا لَهُ فِيهِ مَادِحٌ
 وَمَا كُنْتُ أُدْرِي مَا فَوَاضِلُ كَفِّهِ * عَلَى النَّاسِ حَتَّى غَيَّبْتَهُ الصَّفَائِحُ
 وَأَصْبَحَ فِي لَحْدٍ مِنَ الْأَرْضِ ضَيْقٌ * وَكَانَتْ بِهِ حَيًّا تَضِيقُ الصَّحَاصِحُ
 سَابِكِيكَ مَا فَضْتُ دَمَوْعِي فَإِنْ تَفَضُّ * فَحَسْبُكَ مِنِّي مَا تَجُنُّ الْجَوَانِحُ
 فَمَا أَنَا مِنْ رُزْءٍ وَإِنْ جَلَّ جَازِعٌ * وَلَا بَسْرُورٍ بَعْدَ مَوْتِكَ فَارِحُ
 كَانَ لَمْ يَمُتْ حَيِّ سِوَاكَ وَلَمْ تُقَمِّ * عَلَى أَحَدٍ إِلَّا عَلَيْكَ النَّوَائِحُ
 لَنْ عَظَمْتُ فِيكَ الْمَرَاثِي وَذَكَرْتُهَا * لَقَدْ عَظَمْتُ مِنْ قَبْلُ فِيكَ الْمَدَائِحُ

Ibn Said kini sudah pergi ketika tiada lagi timur

Dan barat kecuali semua memuji dirinya,

Aku tidak tahu apa yang menjadi keutamaannya

Hingga dia dihilangkan dengan pedang,

Dan kini dia berada di dalam liang lahad yang sempit,

Sedang masa hidupnya semua tanah menjadi sempit kerananya,

Ku buat engkau menangis sepanjang air mataku masih boleh menitis,

Dan cukuplah bagimu apa yang disembunyikan tulang rusuk,

Selepas kepergianmu aku tidak ikut ditimpa musibah,

*Sekalipun rasa cemas orang yang takut menantinya,
Dan tidak gembira selepas matimu yang gembira,
Seolah-olah tiada orang hidup mati dari selainmu,
Hingga ratapan kesedihan itu hanya tertuju kepadamu,
Jika sangat besar raungan kesedihan itu dan kenangannya,
Maka puji-pujian sebelumnya sudah sangat besar.*

4. Abu Nawas sudah menuliskan riwayat hidup al-Khasib, seorang penguasa di Mesir dan mengabdikan namanya dalam catatan sejarah. Kemudian Abu Nawas berkata: Jika tanggungan kami tidak mengunjungi tanah al-Khasib maka tanah mana lagi yang patut untuk dikunjungi, tidak ada kuda yang boleh melampauinya dan tidak boleh dilakukannya. Namun kuda akan berjalan ke mana dia akan berjalan. Pemuda membeli pujian dengan hartanya, dan tahu bahawa semua roda sentiasa berputar.
5. Tidak akan kenangan yang dikatakan oleh orang tentang hidup al-Khashib dan tentang masa-masa pemerintahannya kecuali rangka-rangka tersebut. Sedangkan sumber-sumber lain tidak ditemui langsung, walaupun mungkin ada bagaimanapun ianya tidaklah mengurangi nilai dan kehebatan madah dan puisinya itu.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Ciptakan diri anda selalu mempunyai kegiatan. Dengan kata lain, anda perlu berusaha dengan penuh kesedaran dan kemahuan untuk memanfaatkan kemampuanmu melakukan kemungkinan-kemungkinan yang boleh anda lakukan. Dijamin, anda akan merasa lebih bahagia kalau diri anda melakukan sesuatu yang indah. Kemalasan hanya akan menyuburkan kedukaan.
- ❖ **Pujangga berkata:** Akhlak dan tindakan yang baik lebih indah daripada wajah yang tampan, mata yang hitam dan pipi yang licin. Keindahan makna lebih utama daripada keindahan bentuk.

Kisah Teladan

Pada suatu hari berlaku satu perbalahan di antara dua kabilah di Kufah, berhampiran Masjid Jamek. Mereka bersama-sama menghunus pedang dan memasang anak panah. Suasana menjadi panas. Hampir sahaja tengkorak terlepas dari jasad. Keluarlah seorang dari masjid untuk mencari seorang pendamai yang penyabar. Dia adalah al-Ahnaf bin Qais.

Ketika itu Ahnaf berada di rumahnya sedang memerah susu kambing. Dia memakai pakaian yang harganya tidak sampai sepuluh ribu dirham. Badannya kurus dan penampilannya sungguh daif. Apabila diberitahu tentang apa yang berlaku, ia tenang sahaja dan tidak terperanjat. Kerana dia sudah terbiasa menghadapi kesusahan dan hidup dalam tekanan. Ia hanya berkata: Insyallah akan baik-baik sahaja.

Selepas itu dia bersarapan, seolah-olah tidak pernah berlaku apa-apa. Dan sarapannya hanyalah sepotong roti kering, minyak, garam dan segelas air. Dia kemudian membaca: Bismillah dan makan. Selesai makan dia membaca: Alhamdulillah. Katanya: Gandum dari Iraq, minyak dari Syria, air dari sungai Tigris, dan garam Marw adalah nikmat yang luar biasa.

Kemudian iapun memakai pakaiannya, dan mengambil tongkatnya. Ia berjalan menuju kerumunan manusia. Apabila orang ramai melihatnya, serentak mereka terdesak untuk melihatnya. Dan bau tentang ketika ia mulai bercakap. Serta merta ia bercakap tentang perdamaian, dan meminta untuk segera bersurai. Semua yang terbabit dalam perbalahan itu pun pulang. Perbalahan itu kemudian tidak berlaku, dan fitnah yang menyulut emosi mereka tadi hilang begitu sahaja. Tidak mustahil seseorang mendapat kemuliaan walaupun dia memakai kain lusuh dan baju compang-camping.

Dari kisah tersebut terdapat banyak pengajaran yang boleh kita ambil, antara lain:

"Kemuliaan itu bukan pada kegagahan dan penampilan. Kurangnya harta yang dimiliki seseorang bukan petunjuk bahawa dia hidup sengsara. Begitu pulalah dengan kebahagiaan, tidak dinilai dari jumlah kekayaan dan kemegahan."